

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 28 JULAI 2020

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha dan tuntutan Kerajaan dalam mempertahankan pendudukan Malaysia di Laut Cina Selatan dari segi pertahanan, diplomatik dan undang-undang laut antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tasek Gelugor bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera bertarikh 28 Julai 2020, kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh akan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Malaysia tetap tegas dalam komitmennya untuk mempertahankan kedaulatan dan hak kedaulatannya. Dalam hal ini, Malaysia komited untuk menyelesaikan isu-isu Laut China Selatan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai.

NO. SOALAN : 20

4. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks berikutan tuntutan-tuntutan bertindih. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara menyeluruh dan setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.
5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui statistik daripada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), agensi tersebut telah menjalankan sejumlah 144,987 pemeriksaan ke atas pelbagai jenis vesel menerusi OP NAGA bermula tahun 2019 sehingga 30 Mei 2020. Daripada jumlah pemeriksaan yang dilaksanakan tersebut, sebanyak 1,127 bot nelayan asing telah ditahan oleh Agensi yang melibatkan pelanggaran pelbagai jenis akta-akta yang berkaitan. Pihak TLDM turut membantu pihak APMM secara *opportunity basis* dalam melaksanakan aktiviti penahanan nelayan asing. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 20 bot nelayan asing telah ditahan oleh pihak TLDM menerusi operasi yang sama.
6. Selain itu, pihak APMM juga telah melaksanakan pengusiran terhadap 108 jenis vesel sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tindakan pengusiran ini dilakukan selaras dengan prinsip Kerajaan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 dan memutuskan rantaian wabak tersebut.
7. Sementara itu, sejak awal tahun 2019 sehingga 30 Jun 2020, pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah mengesan sebanyak 28 buah kapal perang dan 39 buah kapal penguatkuasa maritim asing yang didapati menceroboh perairan Malaysia di Laut China Selatan. Kerajaan Malaysia secara konsisten telah mengemukakan Nota Bantahan kepada negara-negara yang mana kapal asing milik Kerajaan negara tersebut yang didapati menceroboh perairan negara ini.
8. Tindakan ini diambil selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia, iaitu semua pihak perlu mengelak tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan atau boleh dengan izin, “escalate” sesuatu situasi di lautan. Kerajaan Malaysia selalu mengamalkan dan mengambil pendekatan dengan izin, *measured* yang berdasarkan dengan

izin, “self-restraint” untuk mengelak daripada menimbulkan ketidakstabilan di rantau ini yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat dan perkembangan ekonomi negara.

9. Secara keseluruhannya, semua agensi berkaitan dan agensi penguatkuasa maritim di negara ini, termasuklah TLDM dan APMM sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan hak kedaulatan Malaysia adalah kekal terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

11. Pada masa yang sama, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, **Code of Conduct in the South China Sea (COC)**. COC dilihat sebagai satu usaha untuk memastikan pihak-pihak di Laut China Selatan mengelakkan konflik antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.